

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA  
JALAN CENDERASARI  
50590 KUALA LUMPUR

Bil. (91) dlm. KKM-82/2/6

30 hb Julai, 1987

Pengarah Perkhidmatan Perubatan & Kesihatan,  
Negeri.

Pengarah Perkhidmatan Perubatan,  
Sabah/Sarawak.

Pengarah Yayasan Persekutuán.

SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN BIL. 9/1987

Jawatankuasa Alat-alat Perubatan Diperingkat Negeri/Yayasan

Surat pekeliling ini bertujuan mengemaskan perolehan atau pembelian alat-alat perubatan.

2. Pada masa ini terdapat beberapa kelemahan dalam sistem perolehan atau pembelian alat-alat perubatan. Ada alat-alat yang dibeli yang tidak sesuai. Ada pula alat-alat yang sangat-sangat dikehendaki yang tidak dibeli dan ada juga alat-alat baru dibeli walaupun alat-alat yang sama sudah ada. Sementara ada pula alat-alat jenis lama dibekalkan walaupun jenis baru ada dalam pasaran.

3. Dengan ini Pengarah-Pengarah Negeri/Yayasan adalah dikehendaki menubuhkan satu Jawatankuasa Alat-alat Perubatan Diperingkat Negeri/Yayasan masing-masing.

a) Keanggotaan Jawatankuasa

Pengarah Perkhidmatan Perubatan & Kesihatan Negeri	- Pengerusi
Timbalan Pengarah (Kesihatan)	- Ahli
Timbalan Pengarah (Perubatan)	- Ahli
Pengarah Pergigian	- Ahli
Ketua Jabatan Perubatan	- Ahli
Ketua Jabatan Bedah Am	- Ahli


Penguasa Perubatan, Pegawai-pegawai Perubatan Yang Menjaga Hospital dan Ketua-Ketua Jabatan Klinikal yang lain boleh dijemput hadir apabila diperlukan.

b) Tugas-tugas dan Tanggongjawab Jawatankuasa

Jawatankuasa adalah bertanggungjawab meneliti satu persatu semua permohonan untuk membeli alat-alat perubatan yang baru. Dalam menimbangkan satu-satu permohonan Jawatankuasa hendaklah mengambil kira alat-alat yang sedia ada, sama ada alat-alat yang dipohon benar-benar diperlukan, kesesuaian alat-alat serta keupayaan kakitangan menggunakan alat-alat. Harga alat-alat yang hendak dibeli hendaklah juga diambil kira. Selepas meneliti semua permohonan, alat-alat yang diperakukan untuk dibeli hendaklah disenaraikan mengikut keutamaan. Prosidur ini perlu dipatuhi sama ada alat-alat itu boleh dibeli diperingkat negeri/yayasan atau perlu dibeli oleh Kementerian. Semua permohonan untuk membeli alat-alat perubatan oleh Kementerian hendaklah disenaraikan mengikut keutamaan dan Pengarah-Pengarah Negeri/Yayasan hendaklah menyatakan dalam surat permohonan bahawa senarai tersebut telah diteliti dan dipersetujui oleh Jawatankuasa Alat-alat Perubatan Negeri/Yayasan. Bahagian yang berkenaan telah diarah menolak sebarang permohonan yang tidak menepati prosidur-prosidur ini dan Pengarah-Pengarah Negeri/Yayasan akan bertanggungjawab keatas segala masalah yang akan timbul.

4. Surat pekeliling ini berkuatkuasa mulai dua minggu dari tarikh surat pekeliling. Sebarang pertanyaan mengenai surat pekeliling ini hendaklah dimajukan kepada Ketua Pengarah Kesihatan u.p. Pengarah Perkhidmatan Perubatan.

Saya yang menurut perintah,

  
TAN SRI DATUK (DR) ABDUL KHALID BIN SAHARI  
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

s.k: YB Menteri Kesihatan.  
YB Timbalan Menteri Kesihatan.  
YB Setiausaha Parlimen.  
Ketua Setiausaha.  
Timbalan Ketua Setiausaha (Perkhidmatan)  
Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan)  
Semua Pengarah Bahagian

BAHAGIAN PERKHIDMATAN PERUBATAN  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Bil. ( 51 ) dlm. KKM-87 (145/2)

Tarikh: 2 hb Julai 1987.

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

YB. Tan Sri Datuk,

Per: Surat Pekeliling Penubuhan Jawatankuasa  
Alat Perubatan Negeri/Yayasan

... Adalah saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara diatas.  
Sukacita disertakan deraf surat pekeling yang telah di-  
ubahsuai selepas perbincangan dengan YB. Tan Sri pada  
10hb April dan 16hb Jun 1987 untuk kelulusan.


Untuk makluman YB. Tan Sri, pindaan telah dibuat pada  
perenggan-perenggan berikut:

1. Tujuan
2. Latarbelakang
3. Tugas-tugas jawatankuasa

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

  
(DR. LIM EWE LENG)

Timb. Pengarah Perkhidmatan Perubatan I  
Kementerian Kesihatan Malaysia

ss/ija..

DERAF

PPP&K Negeri .....

PPP Negeri .....

Pengarah Institusi .....

Dato'/Tuan/Puan,

Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Bil.  
Penubuhan Jawatankuasa Alat Perubatan Negeri/Yayasan

1. Tujuan

Pekeliling ini bertujuan mengemaskan perolehan/  
pembelian alat-alat perubatan.

2. Latarbelakang

Pada masa ini adalah didapati tiada penyelarasan dalam perolehan alat perubatan. Mengikut amalan sekarang, senarai alat-alat dipohon oleh hospital atau yayasan dikumpulkan dan dihantar ke Kementerian Kesihatan Malaysia tanpa pemeriksaan. Ini menimbulkan kelemahan dalam sistem perolehan dari segi keutamaan alat yang tidak ditentukan dan alat-alat yang tidak sebenarnya diperlukan atau pun boleh digunakan secara berkongsi masih dimohon. Juga, adalah didapati keadaan alat perubatan di hospital yang setaraf tidak seimbang.

3. Penubuhan Jawatankuasa Alat Perubatan Negeri

Untuk mengatasi masalah seumpama ini semua Pengarah dikehendaki menubuhkan suatu Jawatankuasa Alat Perubatan diperingkat negeri/yayasan.

3.1. Keanggotaan Jawatankuasa Alat Perubatan Negeri

Keanggotaan jawatankuasa ini adalah seperti berikut:-

Pengarah Perkhidmatan Perubatan & Kesihatan Negeri/Pengarah Yayasan	- Pengerusi
Pegawai Farmasi negeri/yayasan	- Setiausaha
Pengarah Pergigian	- Ahli
Timbalan Pengarah (Kesihatan)	- Ahli

Timbalan Pengarah (Perubatan)	- Ahli
Semua Penguasa Perubatan	- Ahli
Semua Pegawai Perubatan y/m hospital	- Ahli
Ketua Jabatan Klinikal ) dari	
) hospital	
) besar negeri	- Ahli
Ketua Jurutera )	- Ahli

Ketua-Ketua Jabatan Perkhidmatan sampingan yang berkenaan boleh dijemput hadir sekiranya diperlukan.

3.2. Tugas-tugas Jawatankuasa Alat Perubatan Negeri

3.2.1. Meneliti semua permohonan alat-alat perubatan yang ingin dibeli diperingkat hospital, negeri atau Kementerian Kesihatan Malaysia.

Permohonan tersebut perlu dikaji dari segi keperluan alat di jabatan atau hospital berkenaan. Kesesuaian alat perlu diperiksa juga dengan mengambil kira alat-alat yang sama yang sedia ada, keupayaan kakitangan menggunakan alat, dan juga perolehan alat-alat ganti. Keutamaan alat perlu ditentukan, dan kegunaan secara berkongsi perlu ditimbang.

Semua permohonan perlu disusun mengikut keutamaan (tinggi, sederhana atau rendah) dan kertas berwarna berlainan hendaklah digunakan untuk setiap jenis keutamaan. Semasa menentukan keutamaan, harga alat perlu diambil kira dan juga samada alat baru atau mengganti alat sedia ada.

Semua pengarah dikehendaki mengesahkan bahawa senarai permohonan alat-alat perubatan telah diperiksa oleh Jawatankuasa tersebut

sebelum dihantar ke Kementerian Kesihatan Malaysia. Permohonan yang dihantar ke Kementerian tanpa pengesahan tersebut tidak akan diterima dan akan dipulangkan.

3.2.2. Jawatankuasa ini hendaklah memastikan alat-alat perubatan digunakan dengan sepenuhnya. Sekiranya didapati alat tidak atau jarang digunakan, alat tersebut boleh diagihkan ke hospital lain.

4. Mesyuarat Jawatankuasa Alat Perubatan

Jawatankuasa ini perlu bermesyuarat sekali dalam 6 bulan atau lebih kerap kali jika perlu dan juga bermesyuarat semasa menyediakan anggaran belanjawan tahunan.

5. Pekeliling ini adalah berkuatkuasa dengan serta-merta. Segala pertanyaan mengenai Pekeliling ini hendaklah dirujuk kepada Bahagian Perkhidmatan Perubatan, Kementerian Kesihatan Malaysia. Semua Pengarah dikehendaki memberi maklumbalas atas penubuhan Jawatankuasa tersebut ke Bahagian Perkhidmatan Perubatan dalam masa 6 bulan dari tarikh Pekeliling ini.

Sekian, terima kasih.

(TAN SRI DATUK (DR.) ABDUL KHALID BIN SAHAN)  
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

ss/ija..

(92) dlm. KKM-82/2/6

4 hb September, 1987

Semua Pengarah Bahagian.  
Pengarah, Institut Penyelidikan Perubatan.  
Pengarah, Institut Kesihatan Umum.  
Setiausaha, Pihak Berkuasa Kawalan Dadah.  
Setiausaha, Majlis Perubatan Malaysia.  
Ketua Penyelia Jururawat.

Tandatangan di Sijil-sijil dan Dokumen-dokumen Rasmi

Mulai dari tarikh surat ini nama Ketua Pengarah Kesihatan hendaklah ditaip diatas semua sijil-sijil dan dokumen-dokumen rasmi yang hendak ditandatangani oleh Ketua Pengarah Kesihatan. Sila patohi peraturan baru ini.

  
Tan Sri Datuk (Dr) Abdul Khalid bin Sahan  
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

-/re

(94) dlm. KKG-82/2/6

6 hb Januari, 1988

Semua Pengarah Bahagian.

Setiasaha, Majlis Perubatan Malaysia.

Mutu Deraf-deraf Yang Dikemukakan

Dari semasa kesemua tuan-tuan mengedarkan ke pejabat ini deraf dokumen, surat atau surat pekaliling untuk dipersetujui atau ditandatangani. Seringkali saya dapati deraf-deraf tersebut kurang tepat, tidak sistematik atau salah disusun. Istilah-istilah yang salah seringkali digunakan, sementara ejaan-ejaan juga salah.

2. Saya berasa sukacita seandainya tuan dapat memastikan setiap deraf yang dikemukakan itu terlebih dahulu disemak dan diteliti supaya kelemahan-kelemahan yang tersebut diatas dapat dibetulkan sebelum deraf-deraf tersebut diedarkan kepada saya.

  
TAN SRI DATUK (DR) ABDUL KHALID BIN SAHAR  
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

-/re